

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan caj kawal selia penumpang oleh MAVCOM dan kos operasi mereka dari 2018 hingga sekarang. Apakah keperluan Kerajaan untuk entiti kawal selia ini apabila tugas entiti ini boleh dilakukan oleh Kementerian dan agensi yang sedia ada.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan Caj Kawal Selia dan kos operasi MAVCOM bagi tahun 2018 dan 2019 berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) adalah seperti berikut:

- (a) bagi tahun 2018, jumlah kutipan caj kawal selia (yang mula dikutip pada Mei 2018) adalah sebanyak RM24,768,760 dengan kos operasi yang ditanggung adalah sebanyak RM25,737,620; dan
- (b) manakala bagi tahun 2019, jumlah kutipan caj kawal selia adalah sebanyak RM46,747,851 dengan kos operasi yang ditanggung adalah sebanyak RM28,947,501.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Mac 2016 di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771) sebagai satu entiti bebas yang bertanggungjawab untuk mengawal selia hal ehwal ekonomi dan komersial berhubung dengan industri penerbangan awam di Malaysia.

3. MAVCOM mempunyai fungsi yang berbeza dengan Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia (CAAM). Secara amnya, pihak Kementerian Pengangkutan berperanan menetapkan dasar dan halatuju industri penerbangan negara, manakala CAAM pula merupakan agensi kawal selia berkaitan hal ehwal teknikal penerbangan.

4. Dalam hubungan ini, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 Disember 2019 telah meneliti semula keperluan entiti kawal selia ini dan telah memutuskan supaya badan kawal selia industri penerbangan Malaysia dirasionalisasi dan diletakkan di bawah satu entiti. Dalam hubungan ini, Jemaah Menteri bersetuju supaya MAVCOM dibubarkan dan semua fungsinya akan dipindahkan di bawah Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

5. Bagi memastikan proses rasionalisasi ini dilaksanakan dengan lancar, Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas (*taskforce*) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan turut dianggotai oleh wakil-wakil dari pelbagai Kementerian dan Agensi untuk melaksanakan pelan rasionalisasi ini.

6. Beberapa Akta yang berkaitan akan dipinda dan dimansuhkan sejajar dengan pelaksanaan pelan rasionalisasi ini. Pihak Kementerian menjangkakan bahawa Rang Undang-undang (RUU) berkaitan akan dibentangkan ke Parlimen setelah semua proses berkaitan pembubaran diselesaikan.

Sekian, terima kasih.